

**PSC Bentang Laporan Cadangan Menambahbaik Sistem Pilihan Raya Minggu Depan  
Bernama  
28 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR, 28 Mac (Bernama) -- Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Bagi Penambahbaik Sistem Pilihan Raya (PSC) akan mengedarkan laporan cadangan penambahbaik sistem pilihan raya kepada anggota Dewan Rakyat, Isnin ini.

Pengerusinya Datuk Seri Dr Maximus Ongkili berkata laporan yang mengandungi 22 cadangan itu akan dibentangkan pada persidangan Dewan Rakyat sama ada pada Selasa atau Rabu ini.

"PSC telah kemaskini laporan akhir ini dengan mengambil kira semua cadangan dan maklum balas yang diterima, dan diputuskan berpandukan tiga prinsip iaitu, perkara penting, perlu disegerakan dan perkara yang boleh dilaksanakan sesuai dengan apa juga perubahan peruntukan Perlembagaan dan undang-undang.

"Walaupun dalam soal menyediakan laporan itu ada perbezaan pandangan, saya akui ada yang kamiersetujui sebulat suara dan ada yang kami setuju untuk tidak bersetuju tapi kami mematuhi setiap amalan sepertimana terdapat dalam Aturan Mesyuarat (Dewan Rakyat)," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat akhir jawatankuasa itu di bangunan Parlimen di sini.

Ongkili yang juga Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi bagaimanapun enggan mendedahkan kandungan cadangan itu tetapi percaya ia satu laporan yang cukup menyeluruh yang mengambil kira tiga perkara penting tersebut.

Beliau berkata sepanjang tempoh bermesyuarat, PSC telah mengadakan 14 mesyuarat sebagai jawatankuasa, enam sesi pendengaran awam dan lawatan kerja ke luar negara untuk meneliti sistem yang ada di negara itu untuk dijadikan rujukan dalam menambahkan maklumat tambahan yang boleh digunakan dalam menyediakan laporan akhir itu.

--BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=655568>